

TR 4:1:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PER- JUMPAAN PERKIM DI KUANTAN, PAHANG PADA 25HB JANUARI, 1974

Y.B. Tan Sri Haji Yahya, Pengerusi PERKIM Pahang, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana mendapat peluang yang baik ini menghadiri perjumpaan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Perkim Pahang dan saudara-saudara lain yang berhubung rapat dengan perkembangan dan kemajuan agama Islam di Negeri Pahang ini. Perjumpaan kita hari ini bertambah besar maknanya oleh kerana hari ini jatuh 1hb Muharram yang menandakan tahun baru bagi seluruh umat Islam iaitu Tahun Hijrah 1394. Sebagaimana dimaklum, negara kita adalah satu-satunya di dunia sebelah sini di mana agama Islam yang suci itu diisytiharkan sebagai agama rasmi dan oleh itu amatlah wajar kita menyambut dan merayakan hari pertama Tahun Baru Hijrah ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kita boleh berbangga kerana semenjak negara ini mencapai kemerdekaan, agama Islam telah diletakkan pada tempat yang selayaknya. Dalam kita berusaha meningkatkan kemajuan physical, kita tidak pula ketinggalan dalam usaha memperkembangkan agama Islam di samping memberikan kebebasan kepada agama-agama yang lain. Dasar kita yang tegas serta sikap liberal ini adalah sesuai dengan hakikat masyarakat berbilang kaum serta berbilang agama yang mana menjadikan negara kita ini unique atau istimewa berbanding dengan agama-agama lain.

Saya rasa eloklah disebutkan sedikit tentang usaha dan kejayaan kita meninggikan syiar Islam sesuai dengan kedudukan agama yang mulia di sisi Allah. Perkembangan dan kemajuan pesat dapat dilihat di bidang pendidikan Islam dari peringkat sekolah rendah hingga ke Universiti. Begitu juga usaha kita mengadakan Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran pada bulan Ramadan setiap tahun yang mendapat sambutan baik di kalangan negara-negara Islam di dunia. Saya bersyukur langkah ini telah dapat menarik perhatian umat Islam kepada bacaan yang baik dan

teratur, bahkan meninggikan minat mereka memahami serta mengkaji pengajaran-pengajaran penting dalam Al-Quran itu.

Kerajaan telahpun menyusun semula dan memperkemaskan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam yang terletak di bawah jagaan saya sendiri sebagai Perdana Menteri. Jabatan ini bertindak sebagai Urusetia atau Sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam di samping menjalankan semua urusan yang bersangkutan dengan kegiatan-kegiatan dakwah, Masjid Negara, Hafaz Quran dan lain-lain. Seperti dimaklum Majlis ini dianggotai oleh hampir semua negeri di Malaysia ini dan saya sukalah melihat Negeri Pahang ini khasnya turut menyertai Majlis ini pada satu hari kelak. Dengan demikian, dapatlah kita bersama menyelaraskan semua urusan yang bersangkutan dengan ugama Islam tanpa menjejaskan kedudukan Kerajaan Negeri.

Saudara-saudara sekalian.

Kita boleh berbangga dengan usaha-usaha di bidang ekonomi yang telah dijalankan selama beberapa tahun ini. Pengumpulan modal dari orang-orang Islam menerusi Lembaga dan Urusan Tabung Haji dan baru-baru ini melalui Kompleks Kewangan Islam telah dapat menarik jumlah yang besar hingga hari ini. Saya percaya langkah menambah bilangan ahli-ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan meningkatkan lagi kumpulan modal dari orang-orang Islam yang mana akan digunakan untuk meninggikan lagi taraf ekonomi orang-orang kita.

Begitu juga, kita tidak ketinggalan menyertai negara-negara Islam yang lain dalam bidang politik antarabangsa iaitu menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Sekretariat Islam di Jeddah. Pendirian sikap kita yang tegas mengenai pertikaian Asia Barat khasnya tentang hak sah negara-negara Arab yang dicabul oleh Israel dan sokongan yang kita berikan kepada negara-negara yang terlibat mendapat penghargaan di sisi negara-negara itu. Hasil dari inilah maka negara kita diberi privileged status atau taraf istimewa dalam hal pembekalan minyak. Hanya sedikit negara-negara di dunia ini yang mendapat keistimewaan itu.

Saya suka menyebut dalam hubungan ini juga, jika diizinkan Allah, saya akan pergi menyertai Persidangan Ketua-ketua Negara Islam yang akan berlangsung di Lahore, Pakistan, bulan depan ini. Penyertaan kita dalam Persidangan yang penting itu akan meletakkan nama Malaysia di mata dunia Islam dan semoga hasil

persidangan itu akan membawa keamanan yang kekal di rantau dunia yang semakin lama bergolak itu.

Seperti yang disiarkan dalam akhbar beberapa hari lalu, kita akan menyertai Projek Bank Islam dan seterusnya diberi penghormatan dengan kerana Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah diminta oleh Al-Malik Faisal sendiri menjadi Pengerusi Projek Bank itu. Kerajaan Malaysia telahpun memberi sumbangan pendahuluan sebanyak US\$250,000 supaya Y.T.M. Tunku dapat menubuhkan pejabat dan memulakan kerja-kerja menyusun Bank itu di Kuala Lumpur.

Saudara-saudara sekalian.

Mengambil sempena hari 1hb Muharram yang mulia ini, saya sukalah membuat pengumuman mengenai Yayasan Dakwah Islamiah iaitu salah satu kegiatan penting yang dikelolakan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Seperti dimaklum, sebuah bangunan baru berdekatan Masjid Negara untuk menempatkan pejabat Majlis akan selesai dibina tidak lama lagi dan manakala siap kelak, saya percaya kegiatan-kegiatan Majlis boleh berjalan dengan pesat. Kegiatan Dakwah yang mustahak dan penting akan dikendalikan oleh Yayasan Dakwah Islamiah dan memandang betapa mustahaknya Yayasan ini dipimpin oleh seorang yang cekap dan penuh dedikasi, saya telah bersetuju supaya Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail mengetuai Yayasan itu, dan Tuan Haji Hassan Adli menjadi Timbalannya. Ahli-ahli lain dilantik dari orang-orang yang mempunyai kaliber dan penuh minat dalam melaksanakan cita-cita perkembangan serta kemajuan Islam. Tan Sri Syed Nasir akan meletak jawatan sebagai Pengerusi LPN apabila dapat dicari seorang gantinya.

Sebenarnya idea Yayasan Dakwah ini timbul kira-kira dua tahun dahulu dan dengan adanya sambutan dan sokongan dari orang ramai, projek ini sekarang telah menjadi kenyataan. Pada hemat saya, bidang Dakwah ini boleh dikatakan perkara yang penting dan mustahak terutama dalam usaha kita membina satu masyarakat yang sempurna dengan penuh ertikata iaitu mempunyai kekuatan jasmani dan rohani. Patutlah diingat dalam kita menjalankan segala langkah dan usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat serta memperbaiki ekonomi mereka hendaklah diimbangi pula dengan usaha-usaha memberikan pendidikan moral dan meninggikan akhlak khasnya di kalangan muda mudi dan anak-anak hari ini.

Terutama sekali mengenai usaha kita mencari national identity atau keperibadian kebangsaan, saya fikir amatlah mustahak kita memupuk semula sikap beradab tertib dan bersopan santun yang menjadi pesaka orang-orang Melayu turun-temurun.

Saya dukacita melihat di masa akhir ini, perasaan hormat menghormati dan sikap bersopan santun ini telah merosot hatta di kalangan belia-belia terpelajar kita dan kita seringkali membaca tentang gejala-gejala kemerosotan moral di kalangan muda mudi zaman ini dengan manifestasi dadah, hippism dan perbuatan-perbuatan sumbang yang bermacam rupa. Semua ini adalah berpunca dari kurangnya perhatian terhadap pendidikan moral bahkan saya percaya kekuatan rohani ini tidak diambil berat sama sekali oleh mereka itu dan pihak ibu bapa. Kalau keadaan ini tidak dibaiki segera atau dibiarkan berterusan, saya kkuatir segala usaha yang kita buat hendak memperkemaskan kedudukan masyarakat kita di bidang ekonomi dan sosial akan menjadi sia-sia belaka. Hasrat dan cita-cita kita ialah agar masyarakat Malaysia baru yang sedang dibangunkan itu mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan di samping itu mempunyai adab tertib dan sopan santun mencerminkan keperibadian manusia moden yang sempurna.

Selanjutnya saya harap Yayasan Dakwah Islamiah ini akan menumpukan usaha dan tenaga memperkenalkan dan memperkembangkan pengajaran Islam terutama sekali ditujukan kepada masyarakat Orang Asli khasnya dan juga masyarakat bandar dalam usaha menambah ramai pengikut-pengikut Islam di kalangan mereka yang berminat memeluk agama yang suci itu.

Saudara-saudara sekalian.

Sekianlah ucapan saya dan saya berdoa mudah-mudahan usaha yang dijalankan oleh PERKIM di Pahang ini akan diberkati Allah untuk membawa munafaat kepada semua serta meninggikan syiar Islam di negara kita ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein di Majlis Makan Malam meraikan Perdana Menteri Australia, Tuan E. G. Whitlam dan Puan Whitlam di Seri Taman, Kuala Lumpur pada 29hb Januari, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)